

BAB 6

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan dan juga analisis yang telah dilakukan ke atas cerpen-cerpen yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* dengan menggunakan teori dialogisme melalui aspek pengalaman dan juga pensejarahan, sesungguhnya didapati bahawa A. Samad Ismail sememangnya seorang pengarang yang berbakat besar dan amat tajam sekali pemikiran dan daya inteleknya sehingga dapat menerapkan pengalamannya sendiri dan juga fakta-fakta sejarah dalam cerpen-cerpen yang dihasilkannya.

A. Samad Ismail melibatkan diri dalam dunia persuratkhabaran sejak tahun 1942 sehingga tahun 2002. Beliau pernah berkhidmat dengan surat khabar *Utusan Melayu* pada tahun 1942, dengan *Berita Malai* 1942–1945, dengan *Utusan Melayu* 1945–1957 dan dengan *Berita Harian* 1958–2001. Pengalaman yang amat lama dalam bidang persuratkhabaran telah membentuknya untuk menjadi perenung dan pengamat masyarakat yang amat kritis. Sebagai wartawan yang sangat berpengalaman, beliau amat akrab dengan isu-isu semasa dalam masyarakatnya (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 235).

A. Samad Ismail sememangnya seorang wartawan yang telah diakui ketokohnanya. Selain itu, sebagai seorang pengarang, beliau juga diakui sebagai antara penulis yang giat berkarya dalam zamannya. Beliau terus menulis dan menghasilkan cerpen-cerpen walaupun ketika beliau menjadi orang tahanan di Pulau

Sekijang dari tahun 1951 hingga tahun 1953. A. Samad Ismail telah ditahan oleh pihak British pada masa itu di bawah Undang-undang Darurat.

Antara cerpen yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail ketika dalam tahanan British itu adalah seperti cerpen “Ingin Jadi Pujangga” dan “Bung Leman”. Disebabkan statusnya sebagai orang tahanan, cerpen-cerpen yang telah dihasilkannya itu terpaksa diseludup keluar dan beliau terpaksa menggunakan nama samaran. Apabila beliau dibebaskan dari tahanan British, beliau juga terpaksa sekali lagi menggunakan nama samaran dalam karya-karya yang telah dihasilkannya atas sebab-sebab keselamatan disebabkan peranannya sebagai pejuang politik kerana ada kalanya beliau dianggap sebagai aktivis politik yang berhaluan kiri.

Berdasarkan hakikat ini, kita dapat melihat bagaimana gigihnya A. Samad Ismail terus menulis dan menghasilkan cerpen-cerpen walaupun dalam keadaan yang begitu menyukarkan. Malahan, pengalaman penderitaan hidup yang dialaminya itu telah digunakan oleh A. Samad Ismail dalam kebanyakan karya cerpennya dan menjadikan karya tersebut menjadi begitu menarik untuk dibaca. Selain menggunakan pengalaman pahit dalam hidupnya, A. Samad Ismail juga turut menggunakan pengalaman-pengalaman manis dalam hidupnya sebagai perencah dalam karya-karya cerpennya.

Disebabkan latar belakangnya sebagai wartawan dan telah terlibat dalam bidang persuratkhabaran hampir keseluruhan hidupnya, maka tidaklah menghairankan sekiranya cerpen-cerpen beliau banyak berkisar tentang kehidupan wartawan. Antara cerpen yang berkaitan tentang kehidupan dan juga peristiwa pahit manis seorang wartawan dan terdapat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini adalah

seperti cerpen "Belajar Agama", "Ruang Wanita", "Wak Ha! Ha!", "Soal Kereta", "Menunggu Teman Bebas", "Ahli Bahasa", "Edisi Pagi", "Peloncoan", "Mr. Haf Pa Dollah" dan "Ustaz".

Abdullah Tahir (1995 : xxxix) yang telah menulis dalam bahagian pengantar untuk antologi *Ingin Jadi Pujangga*, juga telah menyatakan bahawa sebahagian besar cerpen yang termuat dalam antologi ini sememangnya dipenuhi oleh kisah-kisah hidup sehari-hari, perjuangan, kerjaya dan suka duka manusia terutamanya kaum wartawan dan para nasionalis dalam seribu suasana yang penuh cabaran. Pengarang iaitu A. Samad Ismail telah dengan jelasnya mendasarkan segala peristiwa yang menguasai cerita kepada pengalaman peribadinya sebagai wartawan, baik pada zaman sebelum kemerdekaan mahupun pada zaman sesudah merdeka. Dalam beberapa buah cerpennya, A. Samad Ismail telah mengambil latar belakang lebih jauh daripada itu iaitu seperti pada tahun-tahun 1940-an ketika beliau sendiri bertugas sebagai wartawan di Singapura pada zaman penjajahan British. Oleh sebab beliau mendasarkan pengisahan ini kepada pengalaman peribadi selama 40 tahun sebagai wartawan, maka kita dapat pelukisannya cukup hidup meskipun cara dan teknik pengolahannya agak sama. Bagi Abdullah Tahir lagi, kejayaan besar A. Samad Ismail dalam antologi ini adalah kemampuan A. Samad Ismail mengolah semula dengan agak baik dan sederhana segala pengalamannya sebagai wartawan dengan dunia kewartawananannya.

Aspek pengalaman dalam cerpen-cerpen yang terdapat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga*, memang sebenarnyalah berdasarkan kepada pengalaman A. Samad Ismail sendiri yang merangkumi perjalanan hidupnya dan ditambah pula dengan pemerhatian dan pengamatannya yang tajam terhadap isu-isu yang timbul dalam

sesuatu tempoh masa yang tertentu. Jelaslah, bahawa sesungguhnya pengalaman adalah sumber utama bagi A. Samad Ismail dalam menghasilkan karya-karyanya. Hal ini telah membuktikan bahawa aspek pengalaman yang dilihat sebagai teks atau unsur luaran dalam teori dialogisme, penting dan memainkan peranan yang sama besar seperti teks dalaman bagi menghidupkan sesuatu karya yang dihasilkan.

Selain daripada aspek pengalaman, satu lagi aspek luaran yang sama penting seperti yang telah digariskan dalam teori dialogisme adalah unsur pensejarahan. Tugas A. Samad Ismail sebagai seorang wartawan, sebenarnya secara langsung telah menjadikan beliau sebagai pencatat peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di sekitarnya. Keadaan ini juga telah mendorong beliau untuk mengambil peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku itu untuk diserapkan ke dalam cerpen-cerpen yang dihasilkannya. Antara peristiwa sejarah yang telah digunakan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen-cerpennya adalah seperti peristiwa penjajahan British ke atas Tanah Melayu dan Singapura, peristiwa pendudukan Jepun, peristiwa Darurat dan konfrontasi.

Dengan kata lain, aspek pensejarahan yang diselitkan dalam cerpen-cerpen A. Samad Ismail dengan jelas telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang amat tajam pengamatannya. Secara ringkasnya, peristiwa-peristiwa sejarah yang digunakan oleh A. Samad Ismail dalam karya-karya cerpennya telah dapat dimanipulasikan dengan baik, seiring dan dapat disesuaikan dengan pengalamannya hidupnya sendiri.

Kesimpulannya, cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh A. Samad Ismail yang terdapat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini rencam dan sarat dengan aspek

pengalaman dan aspek sejarah yang pernah dilalui sendiri oleh pengarangnya. Keadaan ini dapat membuktikan pendapat Mikhail Bakhtin seperti yang terkandung dalam teori dialogisme yang menyatakan bahawa aspek luaran dalam sesuatu karya seperti pengalaman, sejarah, ideologi, pemikiran, latar belakang dan sebagainya adalah sama penting dengan aspek dalaman yang membina sesuatu karya memanglah amat tepat sekali.

Hal ini juga dapat menjelaskan hakikat bahawa unsur atau teks dalaman dan teks luaran sesuatu karya saling berhubungan dan saling perlu-memerlukan bagi menghasilkan sesuatu karya agung yang dapat menjadi suara masyarakat ketika karya tersebut dihasilkan. Secara tidak langsung juga, keadaan ini telah membuktikan bahawa teori dialogisme ini adalah lebih sesuai digunakan untuk mengkaji karya-karya yang berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa realiti dan bukannya karya-karya yang berhasil daripada imaginasi pengarangnya semata-mata.